



PELAJAR yang menghadiri sesi ceramah sempena Pameran Bergerak UMS 2011 di Kinabatangan, Kota Kinabalu, baru-baru ini.

# Pameran bergerak UMS di Kinabatangan dapat sambutan

48 / 04 / 2011 / 26

KOTA KINABALU 5 April - Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus memainkan peranan sebagai pamacu kecemerlangan pendidikan di Sabah melalui pelbagai program termasuk pameran dan promosi di setiap pelosok daerah di negeri ini.

Terbaru, melalui program Pameran Bergerak UMS 2011 di Kinabatangan, Sandakan baru-baru ini yang berjaya menarik minat masyarakat di daerah itu.

Pegawai pamerannya, Kenny Uwai berkata, sambutan masyarakat setempat di daerah itu amat menggalakkan terutama di kalangan ibu bapa dan pelajar.

"Risalah dan maklumat yang dibawa hampir tidak mencukupi memandangkan

ramai yang hadir untuk mendapatkan maklumat mengenai pengajian di UMS.

"Pameran yang berlangsung selama sehari itu dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Korporat dan turut disertai Bahagian Perkhidmatan Akademik dan Sekolah-Sekolah Pengajian di UMS," katanya.

Selain pameran, tambah Kenny, pihaknya turut mengadakan ceramah dan taklimat serta sesi soal jawab bersama ibu bapa dan pelajar.

Pameran Bergerak UMS 2011 telah bermula sejak 9 Februari lalu dan diadakan secara berperingkat di seluruh daerah di negeri ini termasuk daerah Lawas, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.